

Pulau Bidong akan diwarta sebagai Taman Negeri Terengganu

54/31.05.03 / M/S 30



TUN AHMAD FAISAL

KUALA NERUS - Kerajaan negeri akan mewartakan Pulau Bidong sebagai Taman Negeri Terengganu menjelang September depan sebagai langkah mengekalkan khazanah alam dan warisan yang ada di pulau tersebut.

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu, Datuk Tun Ahmad Faisal Tun Abdul Razak berkata, usaha itu juga bagi bertujuan untuk menjadikan ia sebagai salah satu tarikan dan produk

pelancongan yang ada di Terengganu.

"Pulau Bidong merupakan Taman Negeri Terengganu keempat selepas Kenyir, Hulu Terengganu; Tanah Bencah Setiu dan Pulau Tenggol, Dungun.

"Proses pewartaannya dijangka selesai pada bulan Julai depan sebelum ia beroperasi sepenuhnya di pulau ini dalam tempoh dua bulan selepas pewartaan.

"Dengan pembukaan pejabat

pengurusan di pulau ini, kita jangka ia akan mula beroperasi sepenuhnya pada September nanti," katanya selepas melalukan lawatan kerja di Pulau Bidong di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pelancongan Negeri, Fadli Yusof Zakaria dan Pengarah Majlis Pengurusan Taman Negeri (MPTN), Tengku Mohd Arifin Tengku A Rahman.

Tambahnya, kerajaan negeri juga menghargai usaha Universiti

Malaysia Terengganu (UMT) dalam pemuliharaan artifak daripada kapal karam itu untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

"Setakat ini UMT melalui Stesen Penyelidikan Alami Marin berjaya mendapatkan semula kira-kira 10 peratus artifak atau sebanyak 366 tembikar terdiri daripada pasu besar, kotak kecil dan botol bertangkai dipercahayai untuk kegunaan harian yang ada di dalam kapal berkenaan," ujarinya.